



“Perkara seperti persediaan sekolah daripada aspek kemudahan dan bilangan guru mengikut opsyen sama ada mencukupi atau sebaliknya perlu diambil kira.”

Aminuddin Awang,  
Presiden NUTP



“Jika aliran sains dimansuh, berkemungkinan pelajar akan ketinggalan dan tidak dapat berdaya saing memandangkan ia bakal memberi kesan kepada masa depan dunia pekerjaan kelak.”

Prof Emeritus Tan Sri Sahol Hamid Abu Bakar,  
Tokoh Pendidikan Negara

Isu sekolah tiada aliran sains, sastera Tingkatan Empat

# Elak masalah pihak sekolah, guru

Pelbagai pihak bimbang ia menjurus kepada kegagalan seperti sebelum ini

Oleh Rohaniza Idris, Haika Khazi, Faizatul Farhana Farush Khan, Maria Uffa Zulkafeli, Mohd Khairul Anam Md Khairudin dan Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan diminta tidak tergesa-gesa melaksanakan dasar tidak lagi membahagikan pelajar Tingkatan Empat mengikut aliran sains dan sastera mulai tahun depan bagi mengelakkan pelbagai masalah kepada pihak sekolah dan guru.

Perkara ini dinyatakan beberapa pihak berkepentingan yang bimbang pelaksanaan tergesa-gesa sesuatu dasar pendidikan boleh menjurus kepada kegagalan seperti yang pernah berlaku sebelum ini, termasuk dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Aminuddin Awang, berkata biarpun cadangan itu dapat mewujudkan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar apabila

mereka boleh memilih bidang diminati, pelaksanaannya perlu diperhalusi dan dikaji dengan terperinci.

“Perkara seperti persediaan sekolah daripada aspek kemudahan dan bilangan guru mengikut opsyen sama ada mencukupi atau sebaliknya perlu diambil kira,” katanya kepada *BH* ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas laporan media berhubung kenyataan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, bahawa pelajar aliran sains dan sastera boleh memilih subjek berdasarkan minat mereka mulai tahun depan.

Maszlee, ketika menemui komuniti Malaysia di Frankfurt, Jerman, baru-baru ini, berkata sistem aliran pendidikan sedia ada untuk Tingkatan Empat dan Lima mengehadkan potensi pelajar yang menyebabkan pembaziran banyak bakat pada masa lalu.

Awal tahun ini, beliau pernah membayangkan aliran sains dan sastera di peringkat sekolah menengah di seluruh negara akan digabungkan.

Usaha itu dicadangkan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara terhadap Polisi Pendidikan Kebangsaan bagi menambah baik sistem persekolahan di Malaysia.

Minggu lalu, Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching, dilaporkan berkata perbezaan antara dua aliran itu tidak lagi wujud selari dengan pelaksanaan Ku-

rikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Presiden Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Raduan Che Rose, juga meminta kerajaan tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan dasar itu.

Beliau berkata, langkah itu mengganggu proses penawaran kursus di peringkat universiti dan bertentangan dengan langkah Kementerian Pendidikan menggalakkan mata pelajaran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

“Ketika ini kita (universiti) berada dalam keadaan yang serius untuk mendapatkan pelajar daripada aliran sains. Sains terdiri daripada Fizik, Kimia, Biologi, Matematik dan Matematik Tambahan.

“Jika semuanya dah tiada dan bercampur-campur, bagaimanakah kita akan meletakkan pelajar dalam aliran sains? Kami akan memanggil universiti dan profesor untuk mendapatkan maklum balas mereka,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat MPN, di Kajang, semalam.

Tokoh Pendidikan Negara, Prof Emeritus Tan Sri Sahol Hamid Abu Bakar, pula berpendapat Kementerian Pendidikan wajar mewajibkan satu aliran sahaja iaitu sains bagi pelajar Tingkatan Empat dengan mengambil mata pelajaran sains tulen itu Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan.

Beliau berkata, mata pelajaran lain seperti Kesusasteraan Ingge-

ris, Geografi dan Sejarah pula boleh dipilih pelajar mengikut minat dan kecenderungan masing-masing.

Katanya, ini kerana bidang sains itu selari dalam melahirkan modal insan yang mahir di dalam bidang teknologi masa hadapan yang menjadi teras dalam Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).

“Dalam mendepani cabaran IR 4.0, generasi muda khususnya perlu menguasai bidang STEM yang bersifat terkini antaranya internet saling berhubung (IoT) dan Pembelajaran Mesin yang menepati keperluan negara.

“Jika aliran sains dimansuhkan, berkemungkinan pelajar akan ketinggalan dan tidak dapat berdaya saing memandangkan ia bakal memberi kesan kepada masa depan dunia pekerjaan kelak,” katanya.

Sementara itu, Presiden Lembaga Kaunselor (Malaysia), Profesor Madya Dr Wan Marzuki Wan Jaafar, melihat langkah Kementerian Pendidikan itu sebagai satu perkembangan positif.

Wan Marzuki yang juga pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, langkah dasar itu bakal memberi ruang kepada pelajar memilih mata pelajaran mengikut minat dan kebolehan masing-masing.

“Bagaimanapun, Kementerian Pendidikan dan pihak sekolah perlulah memberi perhatian serius terhadap pemilihan kombi-

nasi subjek atau mata pelajaran yang sesuai bagi memastikan ia memenuhi syarat kemasukan ke universiti,” katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Ahli Kumpulan Penggerak Ibu Bapa Komuniti Kebangsaan (KPIBKK) Kuala Lumpur, Faizal Mohammad Arshad, berkata sistem baharu yang dicadangkan itu perlu dilihat secara positif terutama bagi melahirkan pelajar holistik yang mampu mengembangkan potensi diri mengikut kecenderungan serta minat sendiri.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu perlu disokong dengan mekanisme menyeluruh bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya.

“Secara teorinya perancangan ini adalah baik kerana memberi peluang kepada pelajar memilih bidang diminati kerana ini adalah satu daripada kaedah untuk kita mengembangkan lagi keberhasilan pelajar seiring Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025,” katanya.

Tokoh Pendidikan Negara, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, pula berkata dasar baharu itu adalah perkara besar dan tidak boleh dibuat secara melulu.

“Saya fikir lebih elok sekiranya kita tunggu Dr Maszlee Malik (Menteri Pendidikan) menerangkan secara lebih terperinci perkara ini, kerana sekarang masing-masing masih samar dan kurang jelas mengenai dasar berkenaan,” katanya.